

Pemuda Umno minta kuota belia, Bumiputera untuk rumah PR1MA
Malaysian Insider
2 Apr, 2014
Oleh Mohd Farhan Darwis

Pemuda Umno menuntut pengurusan Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) mewujudkan kuota 30% Bumiputera dan pembeli rumah golongan muda, kata ketuanya, Khairy Jamaluddin Abu Bakar.

Khairy berkata, sistem undian yang diamalkan syarikat berkenaan tidak menjamin pemilikan rumah oleh dua golongan tersebut, memandangkan sesiapa bebas untuk membuat permohonan.

"Sistem pengagihan perlu dikaji semula. Kita dari awal sudah minta untuk kuota pembeli golongan muda dan tidak dilaksanakan.

"Apabila guna sistem cabutan undi, itu tidak menjamin akan ada 30% pembeli Bumiputera. Sedangkan projek perumahan biasa mempunyai syarat itu," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Exco Pemuda Umno hari ini.

Menteri Belia dan Sukan itu berkata, perlu ada cabutan khas bagi golongan belia dan Bumiputera untuk mendapatkan jumlah 30% pemilikan rumah.

"Pemuda Umno buat ketetapan menggesa PR1MA ubah sistem pemilihan rumah yang kita rasa sistem cabutan undi tidak boleh diguna pakai. Perlu ada cabutan khas untuk golongan muda dan Bumiputera," katanya.

Bagi tujuan itu, wakil Pemuda Umno katanya akan menghantar memorandum kepada perbadanan berkenaan Isnin, minggu hadapan.

"Isu ini timbul apabila melalui pelancaran projek PR1MA, mereka memilih ikut cabutan undi.

"Bila itu berlaku boleh jadi 30% tidak sampai sasaran Bumiputera. Kalau tidak, golongan ini tidak berpeluang memiliki rumah di bandar.

Kaedah pemilihan itu kata Khairy, akan merugikan golongan Bumiputera.

"Kita kena pastikan peluang itu ada," katanya, dan menambah, perkara itu juga akan dibawanya ke peringkat Kabinet.

"Kita terpaksa ingatkan PR1MA, dua golongan ini amat memerlukan bantuan perumahan," katanya. - 2 April, 2014.

Hakcipta © 2014 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pemuda-umno-minta-kuota-belia-bumiputera-untuk-rumah-pr1ma>